# SATU KAJIAN MENGENAI KESAN SIARAN - SIARAN PEMBANGUNAN RTM DI DALAM MASYARAKAT PEKEBUN KECIL KELAPA DAN KOKO

JAMAIIYAH BINTI BASIRON

ARKIB
fb
fAC895
M2L25

Satu Kajian Mengenai Kesan Siaran-Siaran Pembangunan RTM di dalam masyarakat Pekebun Kecil Kelapa dan Koko.

Kajian Kes di Kg. Baru, Batu 16, Sg. Sumun, Teluk Intan, Perak.

oleh

Jamahyah Binti Basiron

Latihan Illmiah
untuk memenuhi
sebahagian daripada keperluan syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1983

Buat,

Bapak yang telah mendewasakan aku sebelum waktunya,
yang telah pergi dulu menemui Tuhan,
Emak yang di dadamu sarat doa untuk kejayaan anak-
anakmu,
Adik-adik, kakak dan abang yang banyak berkorban.

Sesungguhnya semua yang aku lakukan ini adalah untuk
kalian semua dan di atas nama keluarga.

rbm
fAC 895
M22 J25

Penghargaan:

Syukur Alhamdullilah ke hadrat Allah Yang Maha Esa kerana dengan berkatNya telah menganugerahi saya dengan kekuatan dan kesabaran serta kemahuan untuk menyelesaikan Latihan Illmiah ini pada waktunya.

Penghargaan tidak lupa saya berikan kepada penyelia saya, Encik Haroon Hj. Awang kerana telah membantu saya dalam menjalankan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga saya kepada semua penduduk Kg. Baru batu I6, Sg.Sumun, Teluk Intan, Perak yang telah dengan penuh kemesraan membantu saya menyelesai-kan kajian ini. Kerjasama dari anda semua tidak akan saya lupakan. Terima kasih juga buat Ketua Kampung yang telah membenarkan saya menjalankan kajian di kampung berkenaan.

Juga terima kasih saya kepada kakitangan RTM Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama kepada saya. Tidak lupa juga terima kasih saya kepada kakitangan RTM Ipoh yang telah memberi penerangan berfaedah kepada saya dalam kajian ini.

Akhirnya terima kasih saya kepada mereka-mereka yang tidak saya sebut namanya di sini yang telah membantu saya dalam apa jua hal dalam menyelesaikan kajian ini. Terima Kasih sekali lagi.

Jamahyah Binti Basiron
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

Sinopsis

Latihan Ilmiah ini berbentuk satu kajian terhadap kesan siaran-siaran pembangunan RTM ke atas masyarakat pekebun kecil kelapa dan koko di Kg. Baru Batu 16 , Sg. Sumun, Teluk Intan Perak.

Di dalam perencanaan penulisannya, pengkaji telah membahagikan kepada enam bahagian. Tiap-tiap bahagian akan membincangkan perkara-perkara yang tertentu. Iaitu :

Bab pertama merupakan bab pengenalan di mana pengkaji telah membincangkan serba sedikit mengenai peranan RTM dalam konteks matlamatnya. Juga serba sedikit mengenai definasi konsep pembangunan, skop kajian dan hipotesis kajian ini.

Bab kedua pula membincangkan mengenai kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan bidang kajian yang pengkaji jalankan ini.

Di dalam bab ketiga pula pengkaji membentangkan kaedah kajian yang telah digunakan di dalam kajian ini.

Bab ke empat pula menghuraikan hasil penganalisaan pengkaji terhadap rancangan-rancangan RTM untuk jangka masa seminggu. Di mana tujuannya adalah untuk melihat peratus bentuk rancangan-rancangan yang telah di kategorikan oleh pegkaji.

Bab ke lima pula menghuraikan hasil kajian dan serba sedikit ulasan mengenai penemuan-penemuan tersebut.

Bab ke enam merupakan bab penutup di mana kesimpulan dan rumusan kajian dibentangkan.